

PKPP UMS Labuan anjur *Battle of Acoustic*

UB 26.11.16 B12

PUSAT Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) UMS Kampus Antarabangsa Labuan akan menganjurkan Battle of Acoustic pada 2 Disember depan di Dewan Utama bermula jam 7 malam.

Menurut penganjur, pertandingan itu menawarkan hadiah wang tunai sebanyak RM500 untuk juara, RM300 naib johan dan RM150 tempat ketiga berserta sijil penyertaan.

Dengan tema ‘Mashup’, pertandingan itu menggabungkan lagu terbuka yang akan disertai peserta yang berumur 17 tahun ke atas dan terbuka

kepada semua kumpulan.

Pertandingan itu mengenakan yuran sebanyak RM50 bagi satu penyertaan.

Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke kaunter urusetia sebelum atau pada 30 November ini.

Battle of Acoustic akan diserikan dengan persembahan nyanyian pelajar kursus muzik moden yang dibimbing Sairi Jair.

Pertandingan itu diadakan sempena Karnival Kokurikulum UMS Labuan 2016.

Pihak penganjur menjangkakan sebanyak 15 kumpulan muzik menyertai pertandingan itu.